

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 AUGUST 2016

## Najib hasilkan buku *Wasatiyyah: Idea dan Realiti*

um - 13/8/2016

**PUTRAJAYA 12 Ogos** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menghasilkan senaskhah buku baharu tulisan beliau sendiri *Wasatiyyah: Idea dan Realiti* yang mengumpulkan pengalaman-pengalaman Malaysia menguruskan konflik berdasarkan prinsip wasatiyyah.

Buku berkenaan mengandungi enam bab iaitu penjelasan maksud wasatiyyah, mengupas isu konflik perdamaian Bangsamoro di Filipina, tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17, fahaman dan tindakan ekstrem penganas, impak generasi muda dan sokongan Malaysia kepada perjuangan Palestin.

Menurut Perdana Menteri, beliau terpanggil untuk menulis buku berkenaan bagi memberi jawapan kepada pelbagai pihak terutamanya masyarakat asing yang memandang serong terhadap Islam sehingga wujud istilah-istilah seperti radikal Islam dan Islamofobia.

"Saya merasakan kita perlu melakarkan apa yang saya sebut sebagai *the authentic Islam* (Islam yang sebenar) sebab dalam konteks menyeluruh politik hari ini, maka timbul keadaan yang Malaysia boleh mainkan peranan untuk langkah ke hadapan.

"Ini disebabkan apa yang kita

amalkan di sini, dari segi kita melaksanakan syiar dan syariat Islam di Malaysia, kita benar-benar menepati apa yang para ulama kata *the authentic Islam*, kita boleh menjadi model contoh," katanya ketika majlis memperkenalkan buku berkenaan di Seri Perdana di sini hari ini.

Yang turut hadir, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdullah Md. Zin; Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Datuk Mohd. Yusof Din dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Mohd. Khair Ngadiron.

Dalam majlis berkenaan, Perdana Menteri meluangkan masa menjawab beberapa soalan dalam sesi wawancara yang dikendalikan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku, Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar.

Jelas Najib, prinsip wasatiyyah seharusnya dibudayakan dengan melibatkan semua peringkat masyarakat dan turut diangkat untuk difahami oleh komuniti antarabangsa.

"Hendak berdepan ancaman ekstremis, ancaman keganasan, tidak mencukupi dengan kita menggunakan kuasa ketenteraan dan polis, tetapi yang paling mujarab sekali pada hemat saya,

apabila kita membudayakan wasatiyyah sebagai pegangan nilai," katanya.

Mengulas lebih lanjut mengenai kandungan buku itu, Najib memberitahu, prinsip yang dipegang oleh Malaysia membolehkan misi kemanusiaan nahas pesawat MH17 dilaksanakan tanpa terperangkap dalam konflik antara kerajaan Ukraine serta Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dengan kumpulan pemisah di negara itu.

"Saya beritahu kepada pemimpin lain termasuk Presiden Ukraine, Petro Poroshenko bahawa kita tidak campur tangan, Malaysia jadi mangsa kepada pertikaian geopolitik, kita tidak hasrat prosesiapa, tujuan kita adalah misi kemanusiaan (membawa keluar mayat dan kotak hitam pesawat)," katanya yang mengetepikan protokol dengan menjadi pengarah operasi semasa misi kemanusiaan di Ukraine itu.

Katanya lagi, Malaysia juga memainkan peranan yang besar untuk perdamaian di selatan Filipina dengan beliau telah menasihatkan Pengerusi Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), Murad Ebrahim untuk menandatangani Perjanjian Komprehensif Bangsamoro (CAB) bersama kerajaan Filipina.